

PM jelas apa yang dimaksud dengan pembohongan

KUALA LUMPUR 2 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan, pembohongan yang dilakukan oleh Majlis Peguam yang dimaksudkannya ialah mereka tidak menceritakan perkara sebenar mengenai sistem perundangan negara ini pada dunia luar.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, Majlis Peguam menyampaikan cerita bohong kepada Persatuan Peguam Amerika seperti menuduh kerajaan menyingkirkan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas.

"Dakwaan bahawa kerajaan membuang Ketua Hakim Negara adalah pembohongan. Inilah yang saya maksudkan dengan bohong, sepatutnya Majlis Peguam cerita betul-betul apa yang berlaku dan apa sebabnya.

"Tetapi mereka tidak ceritakan sebab-sebab, cuma berkata, kerajaan buang Ketua Hakim Negara. Kita tidak buang sesiapa pun," katanya kepada para pemberita di sini selepas mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua dan setiausaha bahagian UMNO dari seluruh negara di sini, petang ini.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Pengerusi Majlis Peguam, Encik Manjeet Singh yang meminta Dato' Sri Dr. Mahathir membuktikan dakwaannya bahawa Majlis Peguam telah berbohong di luar negara.

Dalam kenyataannya semalam, Encik Manjeet menafikan bahawa majlis itu pernah berbohong mengenai sistem perundangan negara

LIHAT MUKA 6

'MAKSUD PEMBOHONGAN'

pada dunia luar tetapi sedia mengambil tindakan terhadap peguam terlibat jika Perdana Menteri dapat membuktikannya.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, beliau mempunyai bukti, tetapi ia berdasarkan maklumat yang diterimanya secara lisan sahaja.

"Di samping itu, bukti yang ada ialah dakwaan Persatuan Peguam Amerika tentang apa yang disampaikan oleh Majlis Peguam kepada mereka (Persatuan Peguam Amerika) iaitu kononnya kerajaan telah membuang Ketua Hakim Negara," ujarnya.

Menjelaskan tentang pembohongan Majlis Peguam itu, Perdana Menteri berkata, majlis itu sepatutnya menceritakan bagaimana bekas Ketua Hakim Negara itu disingkirkan.

Sebenarnya kata beliau, menyingkirkan bekas Ketua Hakim Negara dibuat mengikut peruntukan undang-undang, iaitu melalui penubuhan sebuah tribunal yang dianggotai oleh hakim-hakim dan laporan mengenainya diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Setelah itu katanya, Yang di-Pertuan Agong mengambil tindakan menyingkirkan Ketua Hakim berkenaan setelah mendapat nasihat daripada tribunal yang ditubuhkan.

"Di samping itu, Majlis Peguam juga tidak menceritakan kepada Persatuan Peguam Amerika bahawa lima orang lagi hakim yang terlibat itu cuba untuk menghalang proses undang-undang dengan

menyekat laporan tribunal tersebut daripada diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

"Akibat daripada tindakan mereka itu yang bertentangan dengan peruntukan undang-undang maka mereka juga telah dikenakan hukuman oleh satu tribunal yang lain," jelas beliau.

Beliau berkata, perkara itu juga tidak diceritakan oleh Majlis Peguam dan Majlis Peguam sendiri tidak menceritakan kepada Persatuan Peguam Amerika bahawa mereka cuba untuk menyingkirkan Ketua Hakim Negara, Tun Hamid Omar melalui prosedur penghinaan mahkamah.

Katanya, tindakan itu

bukan sahaja bertentangan dengan peruntukan undang-undang malah sekiranya usaha Majlis Peguam itu berjaya, maka tidak selamatlah kedudukan para hakim.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga menyatakan, banyak keputusan hakim yang dibuat pada masa ini yang merugikan kerajaan tetapi kerajaan tidak pernah campurtangan atau cuba menghalang keputusan itu.